

Sapputra Nanoemulsion

Inovasi UPM bantu petani hapus ancaman siput gondang

Siput gondang emas (SGE) atau nama saintifiknya *Pomacea spp.* merupakan antara ancaman utama penanaman padi di Malaysia dan boleh menjejaskan pengeluaran negara.

Bagi mengatasi masalah tersebut, sekumpulan pakar pertanian dari Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diketuai Prof. Dr. Rita Muhamad Awang telah memformulasikan inovasi Sapputra Nanoemulsion bagi mengawal serangan siput gondang.

Menurut Dr. Rita, Sapputra Nanoemulsion berfungsi sebagai formulasi anti pemakanan (*anti-feedant*) kepada siput gondang.

"Teknologi ini dicipta menggunakan bahan-bahan berasaskan tanaman yang selamat untuk digunakan dan boleh

diklasifikasikan sebagai teknologi hijau. Ia merupakan formulasi emulsi berasaskan air (EC) yang mengandungi partikel-partikel nano yang meningkatkan keberkesanan formulasi ini. Paling utama, ia mengandungi keupayaan untuk bertindak sebagai anti-pemakanan

Info

- Walaupun dikatakan 'musuh tanaman', siput gondang yang juga dikenali sebagai siput sawah atau siput air merupakan sejenis siput yang kaya protein kerana ia memakan aneka macam tumbuh-tumbuhan air.



Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Datuk Dr. Aini Ideris (tiga, kiri) dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin Ayub (dua, kanan) semasa pelancaran Sapputra Nanoemulsion.

bagi siput gondang," jelasnya.

Selain itu tambahnya, ia mampu meminimumkan kebergantungan penanam padi terhadap penggunaan racun siput kimia, di samping dapat mengurangkan risiko masalah kesihatan pengguna dan pencemaran alam sekitar.

"Penghasilan inovasi ini merupakan inisiatif kumpulan penyelidikan kami bagi membantu untuk menyelesaikan permasalahan isu kawalan kepada kelestarian, jaminan dan keselamatan penghasilan produk makanan. Selain itu,

kami cuba untuk mengubah amalan kebiasaan petani dengan menggunakan formulasi berteknologi hijau," katanya lagi.

Penyelidikan yang telah dijalankan sejak 2011 ini melibatkan penyelidik UPM iaitu Dr. Anis Syahirah Mokhtar dan Prof. Dr. Dzolkhifli Omar serta mendapat dana daripada Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) Kementerian Pendidikan Tinggi, Geran Putra Penyelidikan dan Inovasi (GPPI) serta Platcom Ventures Sdn. Bhd. dari Agensi Inovasi Malaysia.

Menyedari potensi besar teknologi ini,

syarikat tempatan yang berpengalaman di dalam bidang pertanian, AMCO Niaga Sdn. Bhd. mengambil peluang untuk menjalinkan kerjasama strategik bersama UPM bagi mengkomersialkan teknologi tersebut melalui kaedah perlesenan paten.

Menurut pengarah syarikatnya, Yahya Bazlan Ismail, beliau percaya dengan teknologi dan gabungan kepakaran di antara penyelidik dan AMCO Niaga Sdn. Bhd., ia boleh mendatangkan impak positif yang besar kepada negara, masyarakat dan juga persekitaran.



Dr. Rita (kanan) yang mengetuai penyelidikan dan penghasilan produk Sapputra Nanoemulsion.